



**KETUA SETIAUSAHA**  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 PUTRAJAYA



Tel.: 03-8883 2533  
Faks: 03-8889 5245

Ruj : KKM.400-5/1/7 Jld. 7 ( 55 )

Tarikh : 30 Jun 2017

Setiausaha-Setiausaha Bahagian  
Pengarah-Pengarah Bahagian  
Pengarah-Pengarah Kesihatan Negeri  
Pengarah-Pengarah Hospital Negeri  
Pengarah-Pengarah Institusi  
Pegawai-Pegawai Kesihatan Daerah

**SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BIL. 11 / 2017**

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN KAEDAH PEMBIAYAAN  
BEKALAN UBAT DAN ALAT KEPADA PESARA DI FASILITI  
KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**1. TUJUAN**

Surat Pekeliling ini bertujuan memaklumkan semua Jabatan Kesihatan Negeri, Hospital, Klinik Kesihatan, Klinik Pergigian dan mana-mana fasiliti kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang menyediakan perkhidmatan pembekalan ubat dan alat kepada pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Veteran Berpencen serta ahli keluarga yang berkelayakan.

## 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Perintah Am Bab F (Perubatan) Tahun 1974 menetapkan bahawa pegawai dan pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang menerima pencen serta ahli keluarga mereka yang berkelayakan adalah layak diberi kemudahan perubatan percuma di hospital/klinik Kerajaan. Peraturan permohonan perbelanjaan kemudahan perubatan adalah seperti dijelaskan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009 (PP 21/2009) yang sedang berkuatkuasa.
- 2.2 Berikutan keputusan Kerajaan untuk tidak meneruskan pembekalan ubat dan alat kepada pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Veteran Berpencen serta ahli keluarga yang berkelayakan melalui Syarikat Oratis Rx Sdn Bhd, maka diputuskan supaya KKM mengambil alih semua urusan kemudahan perubatan bersama-sama Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Pertahanan mulai 1 Jun 2017.
- 2.3 Bagi memastikan proses dan urusan penyampaian perkhidmatan kemudahan perubatan dapat dilaksanakan dengan lancar, satu garis panduan disediakan bagi membolehkan pelaksanaan peraturan yang seragam di semua fasiliti kesihatan KKM.

## 3. KELAYAKAN

- 3.1 Pesara yang layak kemudahan bekalan ubat dan alat adalah merupakan pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Veteran Berpencen serta ahli keluarga yang berkelayakan.
- 3.2 Contoh kad pesara dan kod pengenalan untuk rujukan adalah seperti di **Lampiran A**.



#### 4. JENIS KEMUDAHAN

4.1 Terdapat dua (2) kategori kemudahan perubatan yang diberikan kepada pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Veteran Berpencen serta ahli keluarga yang berkelayakan bagi maksud Surat Pekeliling ini iaitu:

- (a) Permohonan pembekalan ubat:
  - (i) **dalam Formulari Ubat KKM (FUKKM); dan**
  - (ii) **tiada dalam FUKKM.**
- (b) Permohonan pembekalan alat:
  - (i) senarai **semua jenis/kategori alat** dan **siling** harga adalah seperti yang dinyatakan di dalam PP 21/2009 termasuklah alat ortopedik, anggota palsu, kerusi roda, alat bantu pendengaran, alat rawatan jantung, alat bantu pernafasan, koklea implan, *colostomy bag*, *urine bag* dan *intraocular lens*;
  - (ii) **alat-alat lain** selain di 4.1b(i) di atas yang **tidak melebihi RM1,000.00 seunit**; dan
  - (iii) **alat-alat lain** selain di 4.1b(i) di atas yang **melebihi RM1,000 seunit.**

#### 5. SYARAT PELAKSANAAN DAN TATACARA PERMOHONAN

5.1 Permohonan **pembekalan ubat** di fasiliti kesihatan KKM adalah dilaksanakan mengikut **syarat dan tatacara** berikut:

- (a) Garis panduan permohonan memperolehi dan menggunakan **ubat-ubatan yang memerlukan kelulusan Khas Ketua Pengarah Kesihatan (KPK)/ Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi**

(Edisi Pertama Ogos 2016) atau pindaannya dari semasa ke semasa hendaklah dipatuhi iaitu:

- (i) pesakit telah dirawat menggunakan semua ubat-ubatan yang tersenarai dalam FUKKM (bagi indikasi yang sama) tetapi tidak berkesan;
  - (ii) pesakit mengalami kesan *advers* atau tidak sesuai dengan ubat-ubatan yang tersenarai dalam FUKKM; dan
  - (iii) permohonan bukan bertujuan untuk meneruskan rawatan ubat yang telah dimulakan di hospital swasta atau hospital dari kementerian lain.
- (b) syarat pembekalan ubat juga hendaklah selaras dengan **surat Bahagian Perkhidmatan Farmasi** rujukan KKM 100-2/5/14 Jld.2 (58) bertarikh **17 Mac 2017**, atau pindaannya dari semasa ke semasa seperti berikut:
- (i) menggunakan ubat yang terdapat dalam FUKKM;
  - (ii) mengamalkan polisi *generic first*. Pihak farmasi akan membekalkan ubat mengikut stok sedia ada. Pegawai atau pakar perubatan Kerajaan dinasihatkan untuk menggunakan ubat-ubatan tersebut dan bukannya mengeluarkan preskripsi ubat *innovator* kepada pesara Kerajaan yang diperolehi di farmasi swasta;
  - (iii) bagi ubat-ubat yang dikawal menggunakan sistem kuota di fasiliti, penambahan had kuota khusus bagi kumpulan pesara ini perlu dilakukan sekiranya telah mencapai had; dan
  - (iv) sekiranya terdapat keperluan ubat di luar FUKKM, kelulusan daripada KPK diperlukan.

- (c) **surat Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan** (Perubatan) rujukan KKM 87/P1/18/12 Jld.13 (39) bertarikh **29 Jun 2015** mengenai syarat pembekalan **ubat *glucosamine*** berkuat kuasa mulai **1 Ogos 2015**, atau pindaannya dari semasa ke semasa seperti berikut:
- (i) Fasiliti kesihatan KKM hendaklah mendapatkan **kelulusan KPK melalui Bahagian Perkhidmatan Farmasi**; dan
  - (ii) ubat *glucosamine* boleh dibekalkan **untuk tempoh tiga (3) bulan hingga enam (6) bulan (sekiranya terbukti berkesan)**. Penggunaan ubat selepas tempoh tersebut **perlu dibiayai oleh pesakit sendiri**.
- (d) Sebarang permohonan perbelanjaan bagi pembekalan **makanan atau makanan tambahan (*food supplement*) atau perubatan alternatif** adalah **tidak dibenarkan** walaupun penggunaan bahan tersebut disokong/diperakukan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan (PPK) seperti dijelaskan di bawah PP 21/2009; dan
- (e) Syarat-syarat dan peraturan bagi pembekalan ubat adalah sebagaimana ditetapkan di bawah PP 21/2009 yang berkuatkuasa atau pindaannya dari semasa ke semasa.
- (f) Tatacara permohonan bagi **pembekalan ubat dalam FUKKM** seperti berikut:
- (i) pesara mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan KKM;
  - (ii) semakan status kelayakan pesara semasa pendaftaran bagi menentukan kelayakan;



- (iii) PPK preskrib jenis ubat kepada pesara;
- (iv) PPK preskrib jenis ubat kepada pesara dan **cop PESARA** pada preskripsi sebagai identifikasi kepada pihak farmasi; dan
- (v) farmasi di fasiliti kesihatan KKM membekalkan ubat kepada pesara.

Carta aliran tatacara pembekalan ubat dalam FUKKM seperti di **Lampiran B**.

- (g) Tatacara permohonan bagi pembekalan **ubat yang tiada dalam FUKKM** seperti berikut:
  - (i) pesara mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan KKM;
  - (ii) semakan status kelayakan pesara semasa pendaftaran bagi menentukan kelayakan;
  - (iii) PPK preskrib jenis ubat kepada pesara dan **cop PESARA** pada preskripsi sebagai identifikasi kepada pihak farmasi;
  - (iv) farmasi di fasiliti kesihatan KKM menyelaras pengisian Borang BPF/103-KPK01 (pindaan 4) atau pindaannya dari semasa ke semasa;
  - (v) farmasi di fasiliti kesihatan KKM mengemukakan permohonan keperluan ubat yang tiada dalam FUKKM kepada Ibu Pejabat Bahagian Perkhidmatan Farmasi untuk kelulusan KPK; dan
  - (vi) farmasi di fasiliti kesihatan KKM membekalkan ubat kepada pesara.

Carta aliran tatacara pembekalan ubat yang tiada dalam FUKKM seperti di **Lampiran C**.

5.2 Permohonan pembekalan **semua jenis alat** di fasiliti kesihatan KKM adalah dilaksanakan mengikut syarat dan tatacara seperti berikut:

- (a) Syarat-syarat dan peraturan bagi permohonan pembekalan **semua jenis/kategori alat dan had siling** adalah sebagaimana ditetapkan di bawah **PP 21/2009** yang berkuat kuasa atau pindaannya dari semasa ke semasa.
- (b) Tatacara permohonan perbelanjaan bagi **pembekalan alat** termasuklah alat ortopedik, anggota palsu, kerusi roda, alat bantu pendengaran, alat rawatan jantung, alat bantu pernafasan, koklea implan, *colostomy bag*, *urine bag* dan *intraocular lens* **sehingga harga siling**:
  - (i) pesara mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan KKM;
  - (ii) semakan status kelayakan pesara semasa pendaftaran bagi menentukan kelayakan;
  - (iii) PPK peraku jenis dan spesifikasi alat kepada pesara menggunakan Borang Perubatan 1/09 [PP21/09];
  - (iv) permohonan keperluan alat dikemukakan untuk kelulusan Pengarah Hospital/Pegawai Kesihatan Daerah;
  - (v) fasiliti kesihatan KKM melaksanakan perolehan alat berdasarkan tatacara perolehan yang berkuatkuasa;
  - (vi) alat dibekalkan oleh pembekal kepada fasiliti kesihatan KKM;

- (vii) prosedur/pembedahan dilakukan oleh PPK di fasiliti kesihatan KKM; dan
- (viii) **invois/delivery order** dikemukakan kepada Bahagian Kewangan KKM untuk bayaran bersama-sama **satu salinan kad pesara** dan **Borang Perubatan 1/09** untuk bayaran kepada pembekal.

Carta aliran tatacara pembekalan alat seperti di **Lampiran D**.

- (c) Tatacara permohonan perbelanjaan bagi **pembekalan alat** termasuklah alat ortopedik, anggota palsu, kerusi roda, alat bantu pendengaran, alat rawatan jantung, alat bantu pernafasan, koklea implan, *colostomy bag*, *urine bag* dan *intraocular lens* **melebihi harga siling**:
  - (i) pesara mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan KKM;
  - (ii) semakan status kelayakan pesara semasa pendaftaran bagi menentukan kelayakan;
  - (iii) PPK peraku jenis dan spesifikasi alat kepada pesara menggunakan Borang Perubatan 1/09 [PP21/09];
  - (iv) fasiliti kesihatan KKM mengemukakan permohonan keperluan alat untuk sokongan Bahagian Perkembangan Perubatan KKM;
  - (v) fasiliti kesihatan KKM melaksanakan perolehan alat berdasarkan tatacara perolehan yang berkuatkuasa selepas mendapat sokongan Bahagian Perkembangan Perubatan KKM;



- (vi) alat dibekalkan oleh pembekal kepada fasiliti kesihatan KKM;
- (vii) prosedur/pembedahan dilakukan oleh PPK di fasiliti kesihatan KKM; dan
- (viii) **invois/delivery order** dikemukakan kepada Bahagian Kewangan KKM untuk bayaran bersama-sama **satu salinan kad pesara** dan **Borang Perubatan 1/09** untuk bayaran kepada pembekal.

Carta aliran tatacara pembekalan alat seperti di **Lampiran E**.

- (d) Tatacara permohonan perbelanjaan bagi **pembekalan alat-alat lain** selain yang dinyatakan di atas yang **tidak melebihi RM1,000.00 seunit**:
  - (i) pesara mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan KKM;
  - (ii) semakan status kelayakan pesara semasa pendaftaran bagi menentukan kelayakan;
  - (iii) PPK peraku jenis dan spesifikasi alat kepada pesara menggunakan Borang Perubatan 1/09 [PP21/09];
  - (iv) permohonan keperluan alat dikemukakan untuk kelulusan Pengarah Hospital/Pegawai Kesihatan Daerah;
  - (v) fasiliti kesihatan KKM melaksanakan perolehan alat berdasarkan tatacara perolehan yang berkuatkuasa;

- (vi) alat dibekalkan oleh pembekal kepada fasiliti kesihatan KKM;
- (vii) prosedur/pembedahan dilakukan oleh PPK di fasiliti kesihatan KKM; dan
- (viii) **invois/delivery order** dikemukakan kepada Bahagian Kewangan KKM untuk bayaran bersama-sama **satu salinan kad pesara** dan **Borang Perubatan 1/09** untuk bayaran kepada pembekal.

Carta aliran tatacara pembekalan alat seperti di **Lampiran F**.

- (e) Tatacara permohonan perbelanjaan bagi **pembekalan alat-alat lain** selain yang dinyatakan di atas yang **melebihi RM1,000.00 seunit**:
  - (i) pesara mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan KKM;
  - (ii) semakan status kelayakan pesara semasa pendaftaran bagi menentukan kelayakan;
  - (iii) PPK peraku jenis dan spesifikasi alat kepada pesara menggunakan Borang Perubatan 1/09 [PP21/09];
  - (iv) fasiliti kesihatan KKM mengemukakan permohonan keperluan alat untuk sokongan Bahagian Perkembangan Perubatan KKM;
  - (v) fasiliti kesihatan KKM melaksanakan perolehan alat berdasarkan tatacara perolehan yang berkuatkuasa selepas mendapat sokongan Bahagian Perkembangan Perubatan KKM;

- (vi) alat dibekalkan oleh pembekal kepada fasiliti kesihatan KKM;
- (vii) prosedur/pembedahan dan pengesahan dibuat oleh PPK; dan
- (viii) Invois/*delivery order* dikemukakan kepada Bahagian Kewangan KKM untuk bayaran bersama-sama **satu salinan kad pesara dan Borang Perubatan 1/09** untuk bayaran kepada pembekal.

Carta aliran tatacara pembekalan alat-alat lain selain yang dinyatakan yang melebihi RM1,000.00 seunit seperti di **Lampiran G**.

## 6. TARIKH KUATKUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Jun 2017.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

  
(DATO' SERI DR. CHEN CHAW MIN)



LAMPIRAN A

CONTOH KAD PESARA DAN KOD PENGENALAN



AP → Pesara Awam Persekutuan



BP → Pasangan Pesara Awam Persekutuan



AX → Pesara Awam Kesihatan Persekutuan



AS → Pesara Polis





\*Kad Veteran  
(Status Berpencen)



\*Kad Veteran  
(Status Tidak Berpencen)



Kad Bekas Tentera  
(Status Berpencen)



Kad Bekas Tentera  
(Status Tidak Berpencen)

\*Kad Veteran versi baharu bermula 1 April 2016.

Disertakan penjelasan mengenai kod-kod bagi jenis perkhidmatan seperti yang tertera di Kad Pesara Kerajaan Malaysia:

i. Bagi pesara:

- AP - Pesara Persekutuan
- AN - Pesara Negeri
- AS - Pesara Polis
- AT - Pesara Tentera
- AB - Pesara Badan Berkanun
- AK - Pesara Kerajaan Tempatan
- AX - Pesara Kesihatan Persekutuan
- AY - Pesara Kesihatan Badan Berkanun
- AZ - Pesara Kesihatan Tentera
- AW - Pesara Kesihatan Kerajaan Tempatan

ii. Bagi penerima pencen terbitan:


- BP - Balu/duda Persekutuan/Kesihatan Persekutuan
- BN - Balu/duda Negeri
- BS - Balu/duda Polis
- BT - Balu/duda Tentera
- BB - Balu/duda Badan Berkanun
- BK - Balu/duda Kerajaan Tempatan

Nota:

1. Pesara yang ditanggung oleh JPA adalah pesara yang berkod AP, AS, AX AT dan AZ sahaja.
2. Penerima pencen terbitan berkod BP, BS dan BT.




**CARTA ALIRAN  
PEMBEKALAN UBAT DALAM FUKKM KEPADA PESARA**




Nota:

1. Pesara termasuk pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan/veteran berpencen serta ahli keluarga yang layak.
2. PPK - Pegawai Perubatan Kerajaan

**CARTA ALIRAN  
PEMBEKALAN UBAT YANG TIADA DALAM  
FUKKM KEPADA PESARA**




**CARTA ALIRAN  
PERMOHONAN PERBELANJAAN ALAT SEHINGGA HARGA SILING  
SEPERTI DI PARA 5.2(b)**






**CARTA ALIRAN  
PERMOHONAN PERBELANJAAN ALAT MELEBIHI HARGA SILING  
SEPERTI DI PARA 5.2(c)**



**CARTA ALIRAN**  
**PERMOHONAN PERBELANJAAN ALAT-ALAT LAIN YANG**  
**TIDAK MELEBIHI RM1,000.00 SEUNIT SEPERTI DI PARA 5.2(d)**





**CARTA ALIRAN  
PERMOHONAN PERBELANJAAN ALAT-ALAT LAIN  
YANG MELEBIHI RM1,000.00 SEUNIT SEPERTI DI PARA 5.2(e)**

